

B614

PM-RAHIM  
(1)

1981

KUALA LUMPUR, 22 SEPT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SECARA RASMI MEMBERITAHU MENTERI BESAR PAHANG HAJI ABDUL RAHIM ABU BAKAR BAHAWA BELIAU AKAN MENGGANGGOTAI KOMBONGAN MALAYSIA KE PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU.

HAJI RAHIM MEMBERITAHU DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI PERDANA MENTERI DI PEJABATNYA DI SINI TETAPI BELIAU ENGGAN MENGULAS SAMA ADA BELIAU AKAN MELETAK JAWATAN ATAU MENGAMBIL CUTI TIGA BULAN.

KATANYA DALAM PERTEMUAN 45 MINIT ITU, NAMA-NAMA BAKAL CALON UNTUK MENTADBIRKAN NEGERI PAHANG SEMASA KEYIADAANNYA TELAH DISEBUT TETAPI BELIAU TIDAK DAPAT MENGESARKAN CALON YANG BAKAL DIPILIH.

PERDANA MENTERI AKAN MENGUMUMKAN PEMERGIANNYA KE BANGSA-BANGSA BERSATU DAN JUGA PENGGANTINYA +KERANA INI BUKAN MASALAH SAYA SEORANG+, KATANYA.

HAJI RAHIM BERKATA DALAM PERTEMUAN TERSEBUT PERKEMBANGAN TERBARU POLITIK NEGERI PAHANG TELAH DIYIMBULKAN SECARA BERTERUS TERANG, JUJUR DAN MESRA.

--BERSAMBUNG 1942/AN

B615:

PM-RAHIM 2 KUALA LUMPUR

+SAYA TELAH MENYUARAKAN APA YANG MAHU DISEBUT SECARA JUJUR DAN KAMI BERSETUJU MENGENAI ISU-ISU HAL EHWAL POLITIK NEGERI,+ KATANYA.

MENTERI BESAR ITU MEMBERITAHU SEORANG DARIPADA KALANGAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI AKAN MENGAMBIL TEMPATNYA KERANA JIKA SEORANG CALON DARI PERINGKAT PERSEKUTUAN DI BAWA MASUK, SATU PILIHANRAYA KECIL MESTILAH DIADAKAN.

+KIRANYA BEGITU, SAYA TERPAKSALAM TERUS MEMEGANG JAWATAN MENTERI BESAR SEDIKIT LAMA LAGI.+ UJARNYA.

DITANYA SAMPA ADA BELIAU MENGANTAH EMERGIANNYA KE BANGSA-  
BANGSA BERSATU, HAJI ABDUL RAHIM BERKATA BELIAU TIDAK MEMUNYAI  
PILIHAN KEKUALI MEMATUHI ARAHAN DARI PADA PEMIMPINNYA.  
ADA DIURA-URAKAN KEPUTUSAN UNTUK MENGANTARNYA KE BANGSA-  
BANGSA BERSATU MERUPAKAN CARA HALUS UNTUK MENYINGKIRKANNYA DARI PADA  
POLITIK NEGERI.

MENGULAS TENTANG ITU, HAJI ABDUL RAHIM BERKATA BELIAU MENG-  
ANGGAPNYA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI PADA BERGOLAKAN DI MANA SESEORANG  
YANG DI ATAS HARUSLAH BERSEDIA TURUN -- BERSAMBUNG 1958/AI

B616:

PM-RAHIM 3 KUALA LUMPUR

HAJI ABDUL RAHIM BERKATA HIDUP PENUH DENGAN PENGORBWAN DAN  
MELIRAIKAN PROSES MEMBUAT PILIHAN.

APABILA SESEORANG PENGHADAPI SESUATU KEADAAN, IA SEMESTINYA  
MEMBUAT PILIHAN TANPA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN, TAMBAHNYA  
SEAKAN-AKAN MERUJUKKAN KEPADA RASA TIDAK PUAS HATI OLEH PIHAK-  
PIHAK TERENTU ATAS PERLANTIKANNYA SEBAGAI MENTERI BESAR.

BELIAU MENGGANGGA KEADAAANNYA SEKARANG SEBAGAI DIKIRIKAN DAN  
BELIAU AKAN MEMERIMA APA JUA YANG AKAN DITEMPUHNYA DI MASA  
DEPAN.

+SAYA MENERIMANYA SEBAGAI SATU PERISTIHA BERKAT DALAM HIDUP  
SAYA DAN SAYA PERCAYA SESEORANG TIDAK AKAN BAHAGIA JIKA TIDAK  
DAPAT MERAIHKAN RAHMAT SEMASA KESUSAHAN, + TAMBAHNYA. -- BERSAM-  
BUNG 2019/AI

B619

PM -- RAHIM 4 KUALA LUMPUR

MENTERI BESAR ITU BERKATA RAMAI ORANG BERGEMBIRA MERJADI  
MENTERI BESAR HANYA UNTUK NAMA TETAPI BAGINYA JAWATAN TERSEBUT  
LEBIH DARI ITU.

KATANYA, BELIAU BANYAK MEMIKIR MASALAH NEGERI DAN RAKYAT YANG  
DIWAKILINYA KERANA MEREKA LAH BELIAU MENJAWAT JAWATAN ITU.

+PEMIMPIN DATANG DAN PEMIMPIN PERGI DAN SAYA TETAP JEMPERTAHANKAN  
HEMAH SAYA DAN RAKYAT DAN MEREKA TIDAK MENYOKONG SAYA KERANA  
SAYA RAHIM RAKAP, + KATANYA.

+SAYA PERCAYA APA YANG SAYA LAKUKAN UNTUK KEBAIKAN NEGERI  
PAHANG + KATANYA KETIKA MEMULAS KENYATAAN BAHAWA BELIAU SEPATUTNYA  
MENGUNDURKAN DIRI SEJAK DAHULU LAGI, MEMANDANGKAN KRISIS  
YANG BERLARUTAN BERIKUTAN PERLANTIKANNYA.

DITANYA MENGENAI MASA DEPANNYA SEKIRANYA BELIAU DIMINTA  
MELETAKKAN JAWATAN HAJI RAHIM BERKATA BELIAU BELUM MEMIKIRKAN  
PERKARA ITU. -- BERSAMBUNG 2049/MK

PM -- RAHIM 5 KUALA LUMPUR

BERHUBUNG DENGAN KEJAJAAN SEMASA BELIAU MENJADI MENTERI BESAR,  
HAJI RAHIM BERKATA BELIAU TELAH MEMBAWA BANYAK KEMAJUAN  
DI NEGERI ITU, WALAUPUN SUKAR UNTUK MEMBERI PERINCIAN MENGENAI  
KEJAJAAN ITU.

KATANYA HANYA RAKYAT DAN PEGAWAI PEGAWAI KERAJAAN SAHAJA BOLEH  
MENGAKUI HAKIKAT INI DAN BELIAU ENGKAN MENGULAS LEBIH LANJUT  
DAKWAAN BEKAS MENTERI UNDANG-UNDANG DATUK SERI HAMZAH ABU  
SAMAH BAHAWA BELIAU TIDAK MENDAPAT KEYAKINAN DARI PARI PEGAWAI  
DAN PEMIMPIN POLITIK DI NEGERI ITU.

BELIAU MENAFIKAN DAKWAAN BAHAWA KEBANYAKAN RANG UNDANG-UNDANG  
YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI TIDAK MENDAPAT  
PERSETUJUAN DIRAJA.

KATANYA HANYA RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI ELAUN BASI AHLI-  
AHLI MAJLIS KERJA NEGERI TIDAK DILULUSKAN. -- BERNAMA 2051/MK